

NAMA :

TINGKATAN :

LATIHAN PENGUKUHAN PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 4

UNIT 7: BERPERIKEMANUSIAAN MEMBENTUK MASYARAKAT SEJAHTERA

A. Pilih jawapan yang BETUL berdasarkan gambar rajah di bawah sama ada perlakuan tersebut berperikemanusiaan atau tidak.











**B. Jawab soalan-soalan di bawah
dengan pilihan jawapan yang betul.**

1. Apakah yang akan berlaku sekiranya seorang majikan mendera dan melayan pekerja dengan tidak adil?

- A. Majikan akan disegani orang ramai
- B. Majikan akan disanjung tinggi
- C. Majikan akan didakwa dan menjatuhkan maruah diri
- D. Majikan akan diberi perlindungan oleh polis

2. Antara contoh perlakuan yang berperikemanusiaan sebagai seorang rakyat Malaysia ialah

- A. Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) dengan ikhlas
- B. Mengambil rakaman video dan gambar ketika memberi bantuan
- C. Menyebarkan berita palsu tentang sesuatu kejadian
- D. Mencederakan kucing jalanan

3. Maksud perikemanusiaan ialah satu tindakan atau sifat yang wajar bagi manusia seperti berikut **KECUALI**

- A. Bertimbang rasa
- B. Mengasihani
- C. Tolong menolong
- D. Materialistik

4. Jika nilai-nilai perikemanusiaan ini diabaikan, apakah yang akan berlaku?

- A. Kebajikan warga tua tidak terabai
- B. Komunikasi antara ahli masyarakat tidak terjejas
- C. Tekanan jiwa dan emosi
- D. Keselamatan dan kesihatan terjamin

5. Di bawah ini merupakan perlakuan perikemanusiaan yang sangat penting dalam kehidupan manusia **KECUALI**

- A. Rasa empati
- B. Menjaga maruah diri
- C. Menghargai nyawa sendiri dan orang lain
- D. Mencintai kemusnahan alam sekitar

6. Apakah **DUA** sikap yang menjadi punca pergaduhan antara jiran tetangga?

- A. Sikap buruk sangka antara jiran
- B. Saling memahami cara hidup jiran
- C. Sentiasa bermanis muka dan bertegur sapa
- D. Menghina jiran-jiran

7. Apakah perbuatan yang **TIDAK SEPATUTNYA** dilakukan kepada kanak-kanak?

- A. Menyayangi
- B. Menghormati
- C. Membelikan mereka mainan
- D. Mendera fizikal dan mental

8. Demi menjaga alam sekitar, kita hendaklah mengelakkan diri dari melakukan perkara-perkara berikut

KECUALI

- A. Menebang pokok di dalam hutan
- B. Melakukan pembakaran terbuka
- C. Menggunakan racun atau bahan letupan untuk meneroka hutan
- D. Mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa sebelum menjalankan apa-apa aktiviti di dalam hutan

9. Bagaimanakah cara untuk kita menunjukkan perilaku kemanusiaan kepada alam sekitar?

- A. Mengambil bahagian dalam apa jua kempen alam sekitar
- B. Membuang sampah merata-rata
- C. Tidak cakna kepada masalah alam sekitar
- D. Tidak mengasingkan sisa pepejal

10. Apakah kepentingan apabila masyarakat prihatin dan cakna akan nasib yang menimpa golongan gelandangan?

- A. Kes jenayah berkurangan
- B. Golongan gelandangan rasa dikasihi dan diambil peduli
- C. Flora dan fauna dihargai
- D. Anggota masyarakat akan bersatu padu

11. Bagaimanakah cara menyantuni golongan Orang Kurang Upaya (OKU)?

- A. Meletakkan kenderaan di tempat letak kereta mereka
- B. Menggunakan laluan yang dikhaskan untuk mereka
- C. Menyediakan persekitaran atau reka bentuk bangunan mesra OKU.
- D. Tidak ambil peduli dengan keperluan mereka

12. Ketika negara dilanda wabak COVID-19, apakah peranan masyarakat untuk sama-sama membendung penularan wabak ini?

- A. Menjaga diri sendiri sahaja
- B. Menjaga diri, keluarga dan jiran terdekat
- C. Tidak peduli dengan SOP
- D. Menyebarkan berita palsu

C. Jawab soalan-soalan berikut dengan pilihan jawapan yang BETUL.

- I. Perikemanusiaan merujuk sifat yang _____ bagi manusia seperti bertimbang rasa dan mengasihani.
- II. Perlakuan berperikemanusiaan kepada haiwan ialah dengan _____ walaupun haiwan tersebut adalah haiwan terbiar.
- III. Sebagai seorang majikan yang baik, kita hendaklah melayan pekerja dengan baik termasuklah _____.
- IV. Antara kepentingan berperikemanusiaan dari segi keselamatan masyarakat ialah _____.
- V. Cara untuk membantu mangsa bencana alam seperti banjir adalah dengan _____.

D. Teliti isu kemanusiaan di bawah, kemudian pilih jawapan yang BETUL.

i) Anda telah menyaksikan perlakuan pihak yang membuang sisa toksik ke dalam sungai. Apakah tindakan sepatutnya anda lakukan?

ii) Sekiranya anda disahkan menghadapi masalah kegagalan fungsi hati dan dikhabarkan telah ada penderma hati untuk anda, apakah perasaan anda setelah mendengar berita tersebut?

iii) Terdapat seorang OKU hendak membeli makanan segera tetapi laluan khasnya telah digunakan oleh orang biasa. Apakah yang anda lakukan sekiranya anda berada di dalam laluan tersebut?

iv) Anuthiya telah mendapati majikannya telah tidak membayar gaji beberapa bulan kepada pekerja-pekerja asing di syarikatnya. Bagaimanakah Anuthiya boleh membantu pekerja asing tersebut?
